



**MEMO  
HOSPITAL PENDANG**

Daripada	Pengarah Hospital
Kepada	<b>SEMUA KAKITANGAN HOSPITAL PENDANG</b>
Salinan Kepada	- Timbalan Pengarah (Perubatan) - Timbalan Pengarah (Pengurusan) - Penolong Pengarah (Perubatan) - Penolong Pengarah (Pengurusan)
No. Rujukan	HOPE.100-11/1/9 ( 44 )
Tarikh	29 Julai 2024
Perkara	<b>PROGRAM KECERGASAN PERINGKAT HOSPITAL PENDANG</b>

Dr./Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah telah menetapkan Hari Rabu setiap minggu merupakan Hari Kecergasan peringkat JKN Kedah. Setiap program kecergasan perlu dilaksanakan bermula pukul 4.30 petang hingga 5.30 petang. Penetapan ini turut diperluaskan ke semua PTJ di bawah seliaan JKN Kedah.

3. Sehubungan itu, selaras dengan penetapan tersebut, Hospital Pendang telah merancang untuk pelaksanaan Hari Kecergasan Peringkat Hospital Pendang mengikut jabatan seperti penggiliran di **Lampiran 1**. Penganjuran Hari Kecergasan ini adalah mengikut kreativiti Jabatan masing-masing. Dr./tuan/puan boleh memohon bagi penggunaan Sistem Pembesar Suara daripada Unit Khidmat Pengurusan.

4. Setiap Jabatan **WAJIB** menghantar sekurang-kurangnya **dua (2) orang peserta** bagi setiap penganjuran aktiviti yang dijalankan dan kehadiran akan direkodkan bagi setiap jabatan. Jabatan pengajur perlu menggunakan kaedah MyGovEvent bagi memudahkan proses dokumentasi. Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak Dr./tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MEJAR BERSEKUTU (PA) DR. MUHAMMAD SHAUQI BIN HJ. ABDUL KADIR)

**PROGRAM KECERGASAN PERINGKAT HOSPITAL PENDANG MENGIKUT PENGGILIRAN  
SETIAP JABATAN**

**BULAN JULAI SEHINGGA DISEMBER 2024**

BIL.	HARI/MASA	BULAN	TARIKH	JABATAN
1.	RABU (4.30 Petang)	JULAI	31.07.2024	JABATAN REHABILITASI
2.		OGOS	14.08.2024	UNIT KEJURURAWATAN
3.			28.08.2024	JABATAN FARMASI
4.		SEPTEMBER	11.09.2024	JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA
5.			25.09.2024	JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN
6.		OKTOBER	09.10.2024	JABATAN PSIKIATRI DAN KESIHATAN MENTAL DAN JABATAN PERUBATAN
7.			23.10.2024	JABATAN RADIOLOGI DAN JABATAN PATOLOGI
8.		NOVEMBER	06.11.2024	JABATAN ORTOPEDIK
9.			20.11.2024	JABATAN PEMBEDAHAN DAN JABATAN ANESTESIOLOGI
10.		DISEMBER	04.12.2024	JABATAN PEDIATRIK
11.			18.12.2024	JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI